




**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI**  
**MALAYSIA**

**(Bagi Minggu 43/2021 dari 24 Oktober hingga 30 Oktober 2021)**


Pada minggu ke-43, kes Demam Denggi yang dilaporkan menunjukkan penurunan sebanyak 62 kes (13.4%), menjadikan jumlah kes 399 berbanding 461 kes pada minggu sebelumnya. Tiada kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-43. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 21,707 kes berbanding 81,713 kes bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu penurunan 60,006 kes (73.4%), manakala kumulatif kematian adalah sebanyak 16 kematian berbanding 133 kematian bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu pengurangan 117 kematian (88%) **(Lampiran A & C)**. Sebanyak sembilan (9) lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ke-43 berbanding lapan (8) lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya dengan lima (5) lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor dan masing-masing dua (2) lokaliti hotspot di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya serta di Negeri Sabah. **(Lampiran B & D)**.

Sistem Survelan Chikungunya merekodkan sebanyak 24 kes pada minggu ke-43 yang mana masing-masing tujuh (7) kes dari WPKL & Putrajaya serta Pulau Pinang, enam (6) kes dari Selangor dan empat (4) kes dari Kelantan. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah 1,194 **(Lampiran E)**. Bagi survelan Zika, sebanyak 1,310 sampel darah dan 31 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.


Nyamuk Aedes berupaya meneruskan kelangsungan hidup generasi nyamuk berikutnya walaupun dalam keadaan persekitaran yang sukar. Telur nyamuk yang dihasilkan mampu bertahan sehingga sembilan (9) bulan dalam keadaan kering dan masih boleh menetas menjadi jentik-jentik sekiranya terdapat air. Malah jentik-jentik yang dihasilkan berupaya untuk hidup di air walaupun dengan kuantiti yang minima. Oleh itu, pada keadaan di mana berlaku gangguan bekalan air di premis kediaman, masyarakat perlu pastikan tiada bekalan air bertakung dalam keadaan terdedah di dalam mahupun di luar rumah. Bekalan air yang disimpan perlu ditutup rapat ataupun bubuh bahan pembunuh jentik-jentik untuk membunuh larva. Jangan ambil mudah, Demam Denggi boleh membawa padah. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**




**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**  
Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
**9 November 2021**




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 42 dan ke- 43 tahun 2021



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 43 tahun 2021 dan tempoh sama tahun 2020



**Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2021, 2020 dan Median 2016-2020**



**Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-43 tahun 2021**

## Lampiran C

**BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 43/2021  
(24 Oktober hingga 30 Oktober 2021)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan				Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 43/2021		Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 43/2020	
		Minggu 43 (24 Oktober – 30 Oktober 2021)		Minggu 42 (17 Oktober – 23 Oktober 2021)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	0	0	0	0	20	0	79	0
2	Kedah	8	0	7	1	437	1	729	0
3	P. Pinang	7	0	6	0	330	0	901	2
4	Perak	4	0	3	0	484	1	2,520	3
5	Selangor	233	0	279	0	12,933	2	40,739	36
6	WP KL & Putrajaya	53	0	67	0	2,657	2	9,551	7
7	N. Sembilan	12	0	12	0	512	1	2,633	8
8	Melaka	7	0	6	0	518	0	2,392	7
9	Johor	22	0	20	0	1,523	2	10,159	39
10	Pahang	4	0	3	0	373	2	2,817	8
11	Terengganu	0	0	1	0	36	0	351	0
12	Kelantan	3	0	3	0	182	0	3,751	6
13	Sarawak	7	0	9	0	323	0	1,413	2
14	Sabah	39	0	45	0	1,375	5	3,672	15
15	WP Labuan	0	0	0	0	4	0	6	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>399</b>	<b>0</b>	<b>461</b>	<b>1</b>	<b>21,707</b>	<b>16</b>	<b>81,713</b>	<b>133</b>

Lampiran D

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 43/2021  
(24 Oktober hingga 30 Oktober 2021)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Taming Impian	35	69
2	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tps 3 Taman Pelangi Semenyih	12	58
3	WPKL	Cheras	Kem Sg Besi(Jalan Kedah)	26	47
4	SELANGOR	Petaling	E11. Sri Pjs 5 Flat Desa Ria (G,J,K,L,M,N,O,P)	14	47
5	SABAH	Tawau	Jk02 Tmn. Semarak Loji	11	46
6	SELANGOR	Petaling	E9. Kt SS 2 (1) [Jln SS 2/1-2/4, 2/4A,4B, 2/5-2/23, 2/25, 2/25A]	6	42
7	SABAH	Kota Kinabalu	Taman Kuala Menggatal	16	37
8	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Saga 16-19 Taman Saga	12	37
9	WPKL	Lembah Pantai	Tmn Sri Petaling K2-Jln Perlak 1-6, Sbhgn Jln Perlak	4	31

Lampiran E

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI  
SEHINGGA MINGGU EPID 43/2021 (30 Oktober 2021)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1.	Perlis	Kangar	3	3
2.	Johor	Johor Bahru	17	96
		Kluang	1	
		Muar	5	
		Segamat	33	
		Tangkak	40	
3.	Kedah	Baling	5	124
		Kota Setar	1	
		Kuala Muda	90	
		Kulim	23	
		Langkawi	1	
4.	Kelantan	Sik	4	38
		Bachok	1	
		Gua Musang	1	
		Jeli	1	
		Kota Bharu	14	
		Kuala Krai	3	
		Pasir Mas	3	
		Pasir Puteh	1	
		Tanah Merah	2	
Tumpat	12			
5.	Melaka	Alor Gajah	4	27
		Jasin	1	
		Melaka Tengah	22	
6.	Negeri Sembilan	Seremban	8	8
7.	Perak	Batang Padang	1	180
		Kampar	2	
		Kinta	10	
		Kuala Kangsar	30	
		Larut Matang & Selama	28	
		Manjung	109	
8.	Pulau Pinang	Barat Daya	34	63
		SP Selatan	1	
		SP Tengah	2	
		SP Utara	6	
		Timur Laut	20	

9.	Selangor	Gombak	119	250
		Hulu Langat	67	
		Hulu Selangor	1	
		Klang	50	
		Petaling	6	
		Sepang	7	
10.	WP Kuala Lumpur	Cheras	51	405
		Kepong	124	
		Lembah Pantai	60	
		Titivangsa	170	
<b>JUMLAH KUMULATIF</b>			<b>1,194</b>	